

bah

Mahathir - Akhbar

KEBEBASAN BERAKHBAR TETAP TERPELIHARA

PULAU PINANG, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa akhbar yang bertanggungjawab, yang faham akan sensitiviti kaum dan perlunya keamanan untuk pembangunan negara, tidak perlu khuatir akan apa-apa tindakan kerajaan kerana kebebasan mereka berakhbar tetap terpelihara.

Perdana Menteri berkata jika sekumpulan kecil seperti tuan punya atau penulis akhbar mengancam ketenangan dan kesejahteraan rakyat yang ramai, hak mereka sebagai minoriti tidak boleh dijadikan sebagai alasan pada kerajaan agar tidak mengambil tindakan.

"Kebebasan adalah untuk kebaikan dan kerajaan percaya bahawa rakyat bebas mengkritik kerajaan melalui akhbar yang akan membolehkan kerajaan mendapat maklumat untuk menolong memperbetulkan dan memperbaiki dasar dan prestasinya," katanya ketika berucap merasmikan Wisma Kwong Wah Yit Poh di sini hari ini.

"Kritikan seperti ini membina dan baik, tetapi jika kebebasan diguna untuk mencetuskan huru-hara dan rusuhan, ia tidak boleh dianggap baik dan dipandang ringan. Kebebasan seperti ini tidak boleh dibenarkan oleh kerajaan yang dipilih oleh majoriti rakyat," kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan terpaksa mengawal penerbitan akhbar kerana beberapa "sensitiviti" termasuk berkenaan kaum, boleh membawa rusuhan kaum dan huru-hara jika dipermainkan. -- Lagi.

♥20/12/17-04MST

R GB 20-12 00153 BA394

bah

Mahathir - Akhbar 2 Pulau Pinang

"Ini satu alat yang berkesan untuk menentukan akhbar-akhbar di Malaysia tidak sengaja memainkan sisu-isu kaum sehingga boleh mencetuskan rusuhan kaum," kata Perdana Menteri.

Oleh kerana itu, beliau berkata tidak ada sebab kenapa akhbar-akhbar "vernacular" cuba mempopularkan diri mereka dengan memainkan isu-isu perkauman dan kedudukan kaum tertentu di Malaysia.

"Walaupun akhbar Cina tidak akan dibaca oleh kaum lain, lebih baik jika mereka menolong mewujudkan suasana dan iklim yang membantu ke arah perpaduan kaum di Malaysia," kata beliau.

Beliau berkata percubaan oleh akhbar tertentu untuk menggambarkan kaum itu dan kaum ini dianaktirikan tidak mencerminkan kebenaran tetapi sebenarnya berniat jahat.

Pengorbanan yang diperlukan daripada media massa amatlah kecil berbanding nikmat yang boleh diperolehi daripada negara yang aman dan maju, kata beliau.

Justeru itu, katanya, mereka hendaklah mengutamakan negara dan membelakangkan sedikit kepopularan diri sebagai akhbar. -- Lagi.

♥20/12/17-12MST

R GB 20-12 00152 BA395

bah

Mahathir - Akhbar 3 Pulau Pinang

Mengenai tuduhan orang asing bahawa Malaysia tidak mempunyai kebebasan berakhbar, beliau berkata ia tidak merunsingkan kerajaan kerana yang penting bagi kerajaan ialah kebenaran, iaitu akhbar di Malaysia adalah bebas, kecuali jika mereka meniupkan api perkauman.

"Tuduhan-tuduhan yang tidak berasas oleh orang lain adalah perkara kecil yang tidak perlu diambil berat," kata beliau.

Beliau berkata tidak ada negara di dunia ini, sama ada demokratik atau tidak demokratik, yang akhbar benar-benar bebas dan melaporkan kejadian yang sebenarnya.

Semua berita, rencana atau pojok dalam media cetak atau elektronik dikawal oleh pihak tertentu sehingga pembaca atau pendengar hanya akan mendapat laporan atau rencana yang dipengaruhi oleh pihak ini sahaja, katanya.

Beliau berkata pihak yang menguasai akhbar tidak selalunya kerajaan, kerap-kali pemilik atau pengarang atau pemberitanya, tetapi hakikatnya ialah kawalan oleh sesiapa juga bermakna tidak ada kebebasan. -- Lagi

▼20/12/17-15MST

CNS3828

R GB 20-12 00164 BA396

bah

Mahathir - Akhbar 4 (Akhir) Pulau Pinang

Di negara Barat, penulis atau orang ramai yang mempunyai pendirian bertentangan tidak dilayan atau dilayani secara terhad, kata Dr Mahathir.

"Jika pendapat bertentangan dengan akhbar berkenaan disiarkan, pengarang akan menjawab tentangan itu dalam keluaran itu juga. Kemudian diulangi jawapan berkali-kali sehingga pendapat penentang dapat dihapuskan."

Amalan ini diterima di Barat sebagai secocok dengan demokrasi tetapi jika negara seperti Malaysia mempunyai akhbar yang menyokong kerajaan, tuduhan akan dibuat serta-merta kononnya kerajaan mengawal semua akhbar, tanpa mengambil kira akhbar yang menentang dan mencerca kerajaan, katanya.

Dr Mahathir tiba di sini pagi ini. Sebelum ini beliau merasmikan Loji Pembuatan Keluli Kedua Malayawata Steel Berhad di Prai dan petang ini dijadual melawat banglo lama Syed Al-Attas di Lebuh Acheh di sini yang dirancang dijadikan muzium haji.

Pada malam ini pula, Perdana Menteri akan menghadiri majlis makan malam Barisan Nasional di Hotel Equatorial di sini. -- Bernama

ANR NMO